



# PERENTAS EKONOMI ZAMAN

KOMPILASI UCAPAN PERBAHASAN BAJET  
KETUA PEMBANGKANG  
2008 HINGGA 2014



52209595  
ER (f)



239.522 09595  
PER (F)

24/2/2025  
TOM  
FOC

**RINGKASAN EKSEKUTIF**

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	PENDAHULUAN	2-3
2	MALAYSIAN ECONOMIC AGENDA, MEA (AGENDA EKONOMI MALAYSIA)	4-9
3	KOMPILASI UCAPAN PERBAHASAN KETUA PEMBANGKANG  3.1 : Ucapan Perbahasan Bajet 2008 3.2 : Ucapan Perbahasan Bajet 2009 3.3 : Ucapan Perbahasan Bajet 2010 3.4 : Ucapan Perbahasan Bajet 2011 3.5 : Ucapan Perbahasan Bajet 2012 3.6 : Ucapan Perbahasan Bajet 2013 3.7 : Ucapan Perbahasan Bajet 2014	10-123
4	SENARAI CADANGAN POLISI  4.1 : Cadangan Pakatan Rakyat 4.2 : Cadangan Yang Diterima oleh Kerajaan 4.3 : Cadangan Yang Tak Diterima oleh Kerajaan	124-130
5	APPENDIX	131-132



PUSTAKA PERDANA



1013875



## PENDAHULUAN

Perjuangan Pembangunan Sosio-Ekonomi Malaysia sebagai Ketua Pembangkang Malaysia 2008-2014

Agenda Ekonomi Malaysia MEA (Malaysian Economic Agenda) dilancarkan oleh Dato Seri Anwar Ibrahim seawal 2007 sebagai kenyataan dasar-dasar pembangunan sosio-ekonomi membangunkan negara secara mapan dan inklusif. Dasar-dasar ini bagaimanapun diyakini telah mendahului NEM (New Economic Model -2009) dan Economic Transformation Program - 2010) yang dicadangkan dan dibentangkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Model Ekonomi Baru, NEM adalah bahagian pertama yang dibentangkan pada 30 Mac 2009 dan Model Ekonomi Baru, NEM untuk bahagian kedua dibentangkan pada 3 Disember 2010. Kedua-dua Dasar Ekonomi ini yang dijenamakan semula sebagai ETP.

Namun demikian, atas dasar semangat demokrasi dan memenuhi aspirasi rakyat, Pakatan Rakyat tampil dengan Buku Jingga pada 19 Disember 2010 sebagai sumber rujukan alternatif kepada *Economic Transformation Programme ETP* yang dilancarkan pada 25 September 2010.

Harus diingat bahawa *Malaysian Economic Agenda, MEA* (2008) sudah pun dibentangkan jauh lebih awal bagi mengenal pasti matlamat dan hala tuju dalam membentuk negara maju dan berpendapatan tinggi. Hal ini termasuklah menggariskan strategi utama serta mengenal pasti halangan-halangan kepada pembangunan negara secara jelas dan jitu.

Kajian teks ucapan ketua pembangkang mengenai perbahasan pelancaran RMK-10 dan bajet tahunan kerajaan persekutuan sejak tahun 2008 hingga tahun 2014 ini jelas memberikan gambaran konsisten bahawa tanggungjawab memikul amanah kepentingan rakyat menjadi keutamaan Pakatan Rakyat. Wajah ekonomi negara sepanjang 7 tahun lepas digariskan oleh dasar dan strategi pembangunan sosio-ekonomi yang mampan dan inklusif.

Pasca-1998 menyaksikan era selepas krisis ekonomi Asia 1997, unjuran trajektori pertumbuhan KDNK 9.4% tersasar dan jatuh merudum ke paras unjuran (*trend line*) kadar pertumbuhan purata 5.7% setahun sehingga sekarang.

Satu anjakan regresif telah berlaku dan berterusan sehingga ke hari ini. Malah unjuran pertumbuhan KDNK ETP juga gagal mencapai kadar 6% setahun yang diperlukan untuk Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Anjakan Regresif - 'Regressive Shift' (kebelakang bukan kedepan) pembangunan ekonomi ini juga menjadi pendesak dan pencetus kepada kerajaan BN mencari penyelesaian bermula dari RMK-8 sehingga RMK-11 kini. Ini termasuk usaha NEM Bahagian 1 dan Bahagian 2 termasuk NTA dengan ETP, GTP, PTP dan berbagai akronim.

Persamaan Agenda Ekonomi Malaysia, MEA dan Model Ekonomi Baru, NEM menggambarkan titik persamaan pasukan strategi pakatan dan NEAC yang dianggotai pakar-pakar ekonomi dalam dan luar negara seperti dari bank dunia jelas menunjukkan bahawa masalah utama dan cabaran besar adalah bukan untuk merangka dasar, strategi serta perancangan pembangunan sosio-ekonomi sebuah negara yang menurut teori maupun prinsip ekonomi

arus perdana dunia; Namun demikian cabaran dan kunci kejayaan terletak kepada pelaksanaan dasar serta strategi dan perancangan yang bergantung kepada dua (2) prinsip asas yang membezakan pendekatan Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional iaitu - pertama, perlu wujud tatakelola urus tadbir baik (*Good Governance*), ketelusan (*Transparency*), Akauntabiliti (*Accountability*) dan Kejujuran (*Honesty*) Manakala faktor kedua, perlu dipandu Prinsip Keadilan Sosial (*Social Justice*).

Tanpa wujudnya prinsip asas seperti Tatakelola Urus Tadbir Baik, Ketelusan, Akauntabiliti dan Kejujuran; akhirnya negara ini akan dilibatkan dengan krisis seperti 1MDB.

Tanpa Keadilan Sosial untuk mengatasi kesenjangan pendapatan dan kekayaan; kita akan terus menerima BR1M.

Justeru, perbezaan dari Prinsip 'Etika' dan 'Falsafah' yang bukan dari segi sudut 'Teori' dan 'Teknikal' dasar berserta strategi dan perancangan pembangunan sosio-ekonomi Malaysia yang mesti diakui dan dinilai sebagai faktor utama yang mesti difahami jika negara akan terus berjaya atau gagal mencapai status negara maju yang dinikmati semua dan bukan hanya segelintir rakyat.

Sekian.

## AGENDA EKONOMI MALAYSIA

Agenda Ekonomi Malaysia MEA (Malaysian Economic Agenda) dilancarkan oleh Dato Seri Anwar Ibrahim seawal 2007 sebagai kenyataan dasar-dasar pembangunan sosio-ekonomi membangunkan negara secara mapan dan inklusif.

Suatu ketika dahulu kita diiktiraf sebagai sebuah negara membangun. Tetapi zaman tersebut sudah berlalu. Sebelum 1997 kadar pertumbuhan 8 hingga 9 peratus adalah suatu kelaziman, bursa Malaysia dan pelaburan asing (FDI) kekal di tahap tertinggi di rantau ASEAN.

Gambaran keajaiban tersebut kini sudah malap dan telah digantikan kisah - kisah kejayaan dan kekaguman dunia terhadap prestasi ekonomi China, India dan Vietnam.

DEB: satu penilaian

Sejak lebih tiga dekad yang lalu ekonomi Malaysia bergerak di atas landasan Dasar Ekonomi Baru (DEB), satu dasar yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan pengagihan kekayaan negara secara seimbang antara kaum.

Tidak dinafikan kenyataan bahawa DEB telah menghasilkan mobiliti sosial untuk kaum Bumiputera. Paling jelas kesannya adalah dalam bidang pendidikan, termasuk dalam bidang sains melalui pemberian biasiswa kepada pelajar - pelajar miskin dan dari luar bandar. Pelaburan pendidikan tinggi untuk Bumiputera dibawah DEB, termasuk dengan penghantaran pelajar - pelajar ke luar negara dari awal 70an,80an dan 90an bagi pelajar - pelajar Bumiputera yang cemerlang telah berjaya melahirkan golongan profesional dalam pelbagai bidang.

Walau bagaimanapun, setelah sekian lama matlamat asal DEB untuk mencapai keadilan sosial dan memupuk semula perpaduan nasional dikaburi. Dasar itu disalahguna oleh elit pemerintah untuk memuaskan nafsu segelintir kroni dikalangan mereka untuk membolot saham, kontrak dan program penswastaan. Dasar ini juga telah membuka ruang lebih luas kepada rasuah dan lain - lain jenayah kewangan serta penyalahgunaan kuasa. Prosedur tender, penilaian terbuka dan telus dalam soal penswastaan, pengagihan saham diketepikan atas alasan melaksana DEB untuk kepentingan Bumiputera.

Akibatnya ialah bebanan rakyat semua kaum termasuk bumiputera. Rakyat terpaksa membayar harga tinggi kerana kos elektrik,air dan tol jalan yang meningkat. Manakala jurang pendapatan dan kehidupan semakin melebar antara golongan kaya dengan golongan bawahan yang kurang bernasib baik.

Pada tahun 2005, Malaysia mencatat kesenjangan paling ketara di Asia Tenggara, malah di belakang Indonesia dan Thailand. Mengikut ukuran nisbah Gini (Gini coefficient), ukuran yang digunakan untuk mengukur ketidaksamaan pendapatan, Malaysia berada pada 0.47.

Menurut Bank Dunia, jurang pendapatan individu yang lebih dahsyat di Malaysia adalah kedua paling teruk di antara negara-negara Asia yang mempunyai data untuk kajian. Hanya Papua New Guinea lebih corot dari Malaysia. Malah, dari 127 negara yang diberikan data,

Malaysia berada di nombor 101 dari segi nisbah Gini. Selain dari Papua New Guinea, negara-negara yang mempunyai jurang individu lebih dahsyat dari Malaysia terletak di Amerika Selatan dan Tengah - rantau yang sememangnya mempunyai jurang ekonomi yang besar - dan negara-negara Afrika Selatan dan Zimbabwe.

Ini suatu kenyataan yang amat mengejutkan dan tidak pernah dipaparkan oleh media Malaysia. Ini justeru kerana negara-negara yang mencapai tahap pembangunan manusia yang tinggi biasanya memiliki jurang ekonomi yang lebih kecil. Malaysia bukan lagi ekonomi yang baru atau negara dunia ketiga dari segi pembangunan. Didalam laporan Pembangunan Manusia Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Malaysia tersenarai di nombor 59 dari 177 negara.

Di Asia hanya Jepun, Korea Selatan dan Singapura yang tersenarai di tempat yang lebih tinggi. Malah dengan mata indeks pembangunan manusia sebanyak 0.793, Malaysia sudah teramat hampir dengan 0.800 mata untuk dikategorikan sebagai negara maju. Malangnya Malaysia terangkul di antara negara dengan pembangunan manusia yang tinggi tetapi ketidaksamaan ekonomi terus membesar.

Perbezaan kawasan bandar dan desa juga amat ketara, yang tidak diselesaikan oleh tindakan afirmatif DEB. Pada tahun 1999, pendapatan isi rumah luar bandar hanya 55% dari pendapatan isi rumah di bandar, dan kebanyakan keluarga miskin di luar bandar terletak di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak yang majoriti besarnya terdiri daripada masyarakat bumiputera.

Kita tidak menyangkal kenyataan bahawa terdapat kemajuan dari sudut prasarana luar bandar, pendidikan dan kesihatan yang lebih menyeluruh berbanding dengan keadaan pada awal tahun 50an. Namun sekali lagi kejayaan tersebut tidak harus dibandingkan nisbah dengan negara-negara mundur Afrika.

Kita telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan dari 29% pada tahun 1980 kepada 5 - 6 % pada tahun 2000. Namun indeks garis kemiskinan yang digunakan juga terlalu rendah. Kos sara hidup telah meningkat secara berterusan dan kadar pendapatan RM 510 yang diguna untuk mengukur kemiskinan di pantai barat Semenanjung Malaysia langsung tidak munasabah. Data dan angka mungkin menarik dihidangkan sebagai propaganda tetapi tidak meleraikan kenyataan mengenai kesengsaraan hidup rakyat.

Sementara masyarakat Bumiputera dibelai dengan propaganda dasar yang tidak menyelamatkan mereka, tidak terdapat wacana terbuka mengenai kesan atau relevannya dasar tersebut setelah lebih 3 dekad.

Apa yang dimusykilkan ialah kerana sementara masyarakat bumiputera terus menggantungkan harapan kepada satu dasar yang dianggap penyelamat, berpuluh bilion ringgit dirompak di hadapan mata. Masyarakat bukan bumiputera di sebaliknya resah gelisah kerana menganggap mereka di diskriminasikan. Mereka gusar merenungkan anak pintar dinafikan peluang pendidikan di Universiti tempatan, kontrak dikaut oleh kelompok kecil dan pemacuan ekonomi keseluruhannya agak lembab. Dan amat malang sekali setelah setengah abad merdeka, rakyat masih tidak didedahkan dengan fakta sebenar dan wacana dasar ekonomi seperti ini terus dianggap sensitif.

Teguran membina bagi memperbaiki taraf hidup masyarakat Melayu dan bumiputera dengan melakukan anjakan, melihat cabaran semasa dan memperkenalkan agenda ekonomi yang mampu memacu pertumbuhan dan membela nasib rakyat akan diselar keras, serta dianggap sebagai pengkhianatan kepada masyarakat bumiputera.

## **PEMBAZIRAN SUMBERDAYA DAN KEGAGALAN URUSTADBIR**

Kegagalan lain yang telah sama ada dilupakan atau dijenamakan semula termasuklah Dasar Pandang ke Timur yang digubal untuk membangunkan perindustrian berat dan dasar penswastaaan yang kontroversi. Secara umumnya, usaha kita membangunkan industri berat tidak membawa banyak faedah untuk negara. PROTON misalnya kini merupakan jenama yang menghadapi banyak cabaran dan terpaksa mengharap pakatan strategik yang merugikan untuk terus bersaing didalam industri dunia yang kompetitif. PERWAJA merupakan satu kerugian besar dengan tanggungan mencecah RM13 bilion di dalam kes rasuah dan skandal politik yang jelas seperti mana yang tertera dalam laporan juruaudit bertauliah 'PriceWaterhouseCoopers' (PWC). Laporan PWC diketepikan sama sekali dalam kes pendakwaan PERWAJA! Lebih dahsyat lagi, PETRONAS, agensi petroleum negara yang kita banggakan kerana pengurusan cekap telah dikorbankan oleh pemimpin negara. Keuntungan besar PETRONAS yang kini mencecah RM70 bilion setahun telah digunakan untuk menyalurkan dana besar kepada keluarga melalui 'bailout', kontrak, projek mega atau bagi menyelamatkan projek-projek gagal. PETRONAS sebagai khazanah bangsa kita bersama seharusnya dikawal rapi dengan menjadikannya bertanggungjawab kepada Parlimen bagi memulihara kekayaan minyak kita untuk generasi akan datang. Dengan demikian, harga minyak dan gas akan lebih terkawal, dan dana mapan disalur bagi kesejahteraan rakyat terbanyak.

Pemindahan teknologi yang dikatakan motif utama Dasar Pandang ke Timur dan bekerjasama dengan negara-negara maju tidak dijalankan secara berkesan. Dasar Pandang ke Timur - dan kemudiannya usaha membina ekonomi pengetahuan menerusi Koridor Raya Multimedia (MSC) - tidak melahirkan budaya kaji selidik dan pembangunan teknologi yang gemilang. Sehingga hari ini, Malaysia kekal sebagai pengguna idea - idea luar meskipun membelanjakan berbilion ringgit untuk industri berat dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Di sebalik gambaran indah terhadap MSC, Malaysia kekal sebagai antara negara paling berat sebelah didalam memberikan rakyatnya peluang yang sama rata dan akses kepada ICT. Majalah 'the Economist' menyebut bahawa Malaysia memberi gambaran negara mundur di dalam akses yang diberikan kepada rakyat untuk ICT berbanding Singapura, Taiwan dan Korea Selatan.

Disamping itu, dasar penswastaaan yang digembar-gemburkan telah gagal memberikan hasil yang dijangka. Kita mesti mengubah dasar kita dari penswastaaan yang tidak diuruskan dengan baik kepada pengurusan awam yang efisien dan telus untuk sektor-sektor penting seperti perubatan dan pengangkutan. Mengapakah rakyat Malaysia perlu menanggung cukai yang tinggi beserta penswastaaan yang tidak sempurna? Motif dan hasil penswastaaan perlu dikaji semula agar pengguna tidak dibebankan. Selama ini, penswastaaan telah menjadi alat memperkayakan kroni-kroni pemerintah, tetapi membebankan rakyat. Ukuran kejayaan penswastaaan adalah pengurusan yang lebih cekap dan faedah yang lebih baik kepada pengguna. Keuntungan syarikat terjamin dan faedah serta perumahan pekerja dipelihara.

Hal ini tidak berlaku, sebaliknya negara terus dibeban, kos kepada pengguna meningkat dan para pekerja terutama di peringkat rendah tidak diberikan pembelaan.

Contoh terbaik ialah penajaan elektrik, dimana bayaran kapasiti tinggi penjana tenaga bebas (IPP) telah menyumbang kepada kos yang tinggi yang ditanggung Tenaga Nasional Berhad (TNB). Hasilnya, kos yang tinggi ini sebahagiannya dipindahkan kepada pengguna di dalam bentuk kenaikan tarif elektrik. Yang lebih memeranjatkan, IPP ini telah menerima bahan api yang disubsidikan oleh PETRONAS sehingga mencecah berbilion ringgit. Ini semua sumber negara yang dimiliki rakyat Malaysia secara bersama dan boleh digunakan untuk perkara-perkara lain, misalnya menaik taraf sistem pendidikan negara. Pada masa yang sama, pembinaan lebuh raya bertol seperti PLUS telah menguntungkan pemegang saham mereka, tetapi menjadikan pengangkutan kita sukar dan mahal untuk rakyat, dan pada masa yang sama membantut pembangunan sistem pengangkutan awam alternatif yang lebih mesra alam. Kisah penswastan Mas kini terbongkar setelah syarikat TRI mendakwa telah diarah untuk mengambil alih syarikat penerbangan tersebut. Khidmat tenaga MAS dianggap cemerlang tetapi syarikat mengalami kerugian berbilion ringgit sekali lagi telah diselamatkan oleh Perbendaharaan Kerajaan. Pada masa yang sama, Singapore Airlines, syarikat yang dibentuk akibat pecahan MSA (Malaysian Singapore Airlines) mencatat keuntungan berbilion ringgit. Disamping itu, pembinaan hospital swasta telah menyebabkan kerajaan berlelah untuk menaik taraf sistem kesihatan awam dan meningkatkan kos perubatan dan insurans. Di hospital Daerah, rakyat biasa terpaksa menunggu giliran berjam lamanya untuk mendapatkan khidmat kesihatan.

## **PENUTUP**

Apakah pilihan lain yang ada? Jawapannya, terletak pada keberanian kita menggantikan dasar-dasar usang dengan agenda ekonomi baru yang mengatasi kepincangan yang sedia ada dan menghadapi cabaran globalisasi. Adalah mendesak sekali untuk kita mengakui kekuatan dan kelemahan kita yang sedia ada, dan pada sama memahami strategi ekonomi era pengetahuan yang didominasi kebebasan pengetahuan dan modal intelek.

Kita harus dengan yakin bergerak ke hadapan, untuk tidak bergantung kepada kejayaan masa lampau semata-mata dan berani untuk mengakui bagaimana kita ketinggalan berbanding negara-negara serantau seperti Singapura, Taiwan dan Korea Selatan, yang berkongsi sejarah pembangunan yang selari dengan kita. Memandangkan dalam ukuran pembangunan insan UNDP, termasuk dalam bidang pendidikan, kesihatan dan pembasmian kemiskinan yang relatif lebih baik dari negara-negara Afrika umpamanya, kita harus mengorak langkah memperkenalkan dasar dan kebijaksanaan ekonomi yang dapat mengangkat martabat dan harakat bangsa. Kita kaitkan pembangunan insan seutuhnya kerana menyedari bahawa konsep pembangunan dan ekonomi tidak harus dilihat secara sempit, terpisah dari isu etika dan keadilan. Dan seperti mana dihujah oleh ramai pemikir, bencana dan kecundangnya ekonomi banyak bergantung kepada kedegilan memerangkap diri pada satu dasar usang, pembaziran dan rasuah, sikap gelojoh dan tamak haloba.

Faham Islam dan ajaran agama masyarakat Malaysia harus dikembangkan untuk menjanjkan kekuatan baru berlandaskan prinsip akhlak dan etika. Prinsip keadilan dipuok, nasib rakyat miskin dibela, ketidakadilan dan diskriminasi disanggah. Ciri-ciri kebejatan sosial dan ekonomi yang merosak dan mengugat keutuhan sistem ekonomi dan sosial terutamanya

rasuah dan penyalahgunaan kuasa, membelai kelompok kecil keluarga, kroni dan golongan kaya serta meminggirkan majoriti rakyat mesti ditolak.

Tiada gunanya kita mendabik dada menjadi yang terbaik dikalangan negara-negara yang gagal, sebaliknya kita sepatutnya berusaha menjadi yang terbaik dikalangan negara-negara yang sama taraf dengan kita.

Sebelum kegawatan ekonomi Asia, kita berbangga dianggap sebahagian dari keajaiban Asia, mengejar negara-negara seperti Singapura Taiwan dan Korea Selatan. Sedang negara-negara tersebut kini sudah menapak menjadi negara-negara maju, dan kita terpaksa bersaing dengan Thailand, Vietnam dan Indonesia pula. Singapura, khususnya, adalah saingan kita yang paling dekat dengan sejarah yang berkait rapat dengan kita, telah melangkah jauh ke hadapan kita meskipun tidak dianugerah petroleum dan gas atau hasil mahsul yang kaya.

Kita harus berfikir terbuka untuk melihat bagaimana kita telah gagal di dalam dua aspek; pendidikan dan Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita. Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) yang lahir dari Universiti Malaya tersenarai di antara 20 universiti terbaik dunia dan 3 universiti terbaik Asia didalam senarai 'Times Higher Education 2006', bersama-sama Universiti Beihing dan Tokyo. Tetapi Universiti Malaya yang pernah menjadi kebanggaan kita, jatuh dari nombor 89 pada 2004, kepada 169 pada tahun 2005 dan 192 tahun lepas; dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berada ditempat 185 pada 2006.

Kita juga telah ditinggalkan dari aspek pendapatan per kapita, ukuran kekayaan dan kemajuan sesebuah negara. Singapura telah membangun KNK per kapitanya dari kurang US\$5,000 pada tahun 1970 kepada US\$20,000 pada 2004, mengatasi Taiwan dan Korea Selatan. Pada masa yang sama KNK per kapita Malaysia, kurang dari US\$10,000 pada 2004.

Kehilangan daya saing dan kejumudan pemikiran kita amat menakutkan. Hanya apabila kita melangkaui retorik perkauman dan keinginan pemerintah untuk mempertahankan kepentingan keluarga dan kroni mereka kita berupaya bangkit dengan yakin. Kita perlu kembali kepada pengorbanan pejuang kemerdekaan kita, yang bersama-sama mengimpikan untuk sebuah negara yang harmoni, adil dan saksama di mana kekuatannya terletak di atas masyarakat majmuk dan sifat tolak ansur. Oleh itu kita perlu agenda ekonomi yang baru, relevan dan adil untuk memenuhi apa yang benar-benar diinginkan semua rakyat Malaysia.

Saya yakin kaum bumiputera bersedia dengan agenda baru ini, kerana agenda ini akan tetap berpaksikan tindakan afirmatif bagi membela nasib rakyat miskin dan terpinggir. Bantuan pendidikan, perniagaan dan pekerjaan perlu ditekankan untuk semua golongan miskin dan terpinggir, kerana tidak mungkin dipertahankan sistem bobrok yang tidak mempedulikan nasib rakyat miskin terutama di kalangan bumiputera.

Kebimbangan kononnya Agenda Ekonomi Malaysia akan menyetepikan hak masyarakat bumiputera dari segi biasiswa dan bantuan pendidikan, peluang perniagaan dan sebagainya sengaja dicanang oleh pemimpin kaya bukannya untuk membela nasib rakyat terbanyak - pekerja, petani dan nelayan - tetapi buat mempertahankan kontrak, saham, AP dan lesen mereka yang lunak-lunak sehinggalah permit bas dan teksi yang kecil.

Sekiranya rasuah dibanteras dengan berkesan, peruntukkan diagih secara adil dan telus, sumber yang akan disebar akan pasti akan lebih lagi dari segi jumlah dan keberkesannya.

Namun, yang nyata berbeza dari pendekatan sekarang ialah keprihatinan menyeluruh kepada semua rakyat, sama ada pesawah padi berbangsa Melayu, penjaja kecil berbangsa Cina, penoreh getah berbangsa India atau suku kaum Dayak atau Kadazandusun yang meraih nafkah hidup di kawasan pedalaman - semuanya yang inginkan kehidupan lebih baik dan senang untuk anak isteri mereka. Perlu wujud proses yang lebih baik untuk menyalurkan bantuan bagi memastikan peruntukkan yang ada sampai kepada golongan yang memerlukan dan bukannya golongan elit yang tidak memerlukan bantuan kerajaan atau melalui amalan pilih kasih yang mendera rakyat yang tidak berdosa.

Kita perlu memilih kerajaan yang lebih cekap, berwibawa dan bertanggungjawab, tidak taksub kepada parti politik sehingga mengorbankan amanah dan komitmen mereka kepada rakyat. Amat penting untuk menyalurkan sumber kerajaan yang terhad agar memberi nilai kepada warga Malaysia, dan bukannya membebankan mereka dengan kos-kos yang lebih tinggi sedangkan muti kehidupan mereka merosot.

Memandangkan penswastan tidak membawa kepada persaingan yang sihat dan perkhidmatan yang lebih baik, proses ini perlu dirombak semula. Pihak penggubal dasar kewangan perlu beriltizam untuk memegang amanah rakyat, disiplin kewangan yang tegas dan indeks pencapaian bagi mengukur keberkesanan penggunaan sumber negara. Lebih penting lagi, sistem yang telus akan membebaskan lebih banyak sumber yang akan dapat digunakan untuk menjana ekonomi yang lebih berdaya maju dengan menekan modal insan, khususnya melabur di dalam pendidikan bermutu untuk semua rakyat Malaysia - Melayu, Cina, Kadazan, Iban dan India - yang akan dapat meningkatkan mutu kehidupan mereka. Pada masa yang sama, sumber-sumber ini dapat disalurkan untuk meningkatkan sektor-sektor penting lain khususnya sistem kesihatan awam, perumahan berkualiti dan sektor pertanian yang sihat.

Dasar tutup pintu harus digantikan dengan penerimaan kepada kenyataan persaingan dunia sejagat. Kita perlu membuang mentaliti pergantungan dan digantikan dengan fokus kepada keterbukaan dan daya saing. Tetapi kita perlu menggunakannya untuk pembangunan ekonomi negara dan kemajuan rakyat. Kita perlu menyemak dan merombak kerangka dasar yang ada, institusi, prosedur dan proses yang menghalang pelaburan asing terutamanya di sektor tambah nilai yang tinggi untuk membangunkan ekonomi. Tetapi kita harus kekalkan hak dan kebebasan kita menentukan keutamaan kerangka dasar negara, menggalak industri dan teknologi maklumat dan menjamin penghasilan pertanian yang mencukupi.

Sayugia diinsafi bahawa perumusan agenda ekonomi tidak terlepas dari sistem politik serta kaedah pengurusan negara keseluruhannya. Seperti mana yang cuba dihuraikan, agenda ekonomi perlu terpancar dari hasrat memacu pertumbuhan pantas; agar negara melonjak maju dan menjamin faedah serta keselesaan kepada rakyat terbanyak. Maka selain dari kerangka kebijaksanaan ekonomi; jentera pelaksana dan badan penguatkuasaan juga harus berwibawa dan bertanggungjawab.

Hanya dengan jiwa merdeka mampu kita robohkan kerawang dan tembok yang membelenggu pemikiran, memundurkan negara dan menindas rakyat. Tokoh politik, sarjana, aktivis, pekerja dan mahasiswa harus merasa tercabar untuk berfikir dengan waras dan bertindak dengan bijaksana.

Perubahan bukannya mudah, tetapi ia perlu bagi memastikan Malaysia berjaya memenuhi impian kebebasan, kesaksamaan dan persaudaraan yang diuar-uarkan oleh pejuang - pejuang kemerdekaan kita.

Kita harus berani menanamkan keyakinan baru mempertahankan hak untuk mengangkat martabat ekonomi dan harakat bangsa ke tahap yang lebih cemerlang lagi.

### **UCAPAN DSAI SEBAGAI KETUA PEMBANGKANG PARLIMEN MALAYSIA 2008**

Ucapan perbahasan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 oleh Ketua Pembangkang Dato' Seri Anwar Ibrahim

15 Disember 2008

Saya ingin memetik beberapa tajuk berita berkaitan dengan rasuah: Berita Harian - Jul 28 2007 PUTRAJAYA: Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail mengarahkan siasatan

Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap dakwaan kononnya Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, menerima rasuah RM2 juta bagi membebaskan tiga tahanan Ordinan Darurat, ditutup. Utusan Online - Jul 28 2007 PUTRAJAYA 27 Julai - Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail mengarahkan siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung dakwaan rasuah dan salah guna kuasa terhadap Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan bekas Ketua Pengarah BPR, Datuk Seri Zulkifli Mat Noor ditutup. Utusan Online - Jul 12

2007 PUTRAJAYA 11 Julai -Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail mengarahkan siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharum ditutup.

Daripada kenyataan2 ini jelas menunjukkan kuasa yang ada pada Peguam Negara begitu besar yang boleh memutuskan samaada sesuatu kes boleh didakwa atau ditutup. Tidak ada satu badan lain yang bebas bagi menentukan atau mengkaji semula samaada kes-kes sebegini disiasat dengan teliti dan menyeluruh atau ada kolusi diantara mereka untuk menutup kes-kes sebegini kerana yang terlibat adalah Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah BPR dan Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Yang melaporkan kegiatan rasuah mereka bukan orang luar tetapi pegawai-pegawai tinggi dalam kerajaan. Kes Ketua Polis Negara dilaporkan oleh pegawai berpangkat tinggi dalam Polis. Begitu juga dengan kes bekas Ketua Pengarah BPR dilaporkan oleh pegawai BPR sendiri Encik Mohamad Ramli Manan kepada bekas Ketua Polis Negara waktu itu Tan Sri Mohd Bakri Omar!!!

Dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri diketahui umum membebaskan penjenayah yang paling dikehendaki polis (gangster dan along).

Pada 2004 Menteri Luar sekarang ini YB Rais Yatim pernah menyatakan ada 18 kes berprofil tinggi masih belum diambil tindakan membuktikan ada campurtangan politik atau kolusi diantara pejabat Peguam Negara, BPR dan Polis untuk menutup atau mengambil tindakan dalam sesuatu kes.

Saya ada senarai kegiatan-kegiatan rasuah dan salahguna kuasa yang dilakukan oleh mereka-mereka berprofil tinggi yang belum diambil tindakan. Diantaranya: Lihat lampiran

(Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Tun Dr Mahathir, Tun Daim Zainuddin, Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah, Ketua Menteri Melaka, Bekas Pengarah BPR, Rafidah Aziz, Bekas Pengarah EPU, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Rahim Tamby Chik, Bekas Menteri Besar Selangor, Khir Toyo, Azalina Othman Said, Khalil Yaakob, Bekas Ketua Hakim, Yusof Chin dan seterusnya).

Saya ada sebab meragui siasatan-siasatan yang dilakukan baik oleh polis atau BPR. Pelbagai laporan polis dan BPR telah dibuat oleh pelbagai pihak tetapi setakat ini belum ada tindakan diambil berbanding dengan beberapa kes yang melibatkan ahli pembangkang seperti kes bekas YB Kota Bharu (yang dibebaskan oleh mahkamah kerana didapati tidak bersalah), YB Jeli (masih dalam perbicaraan dalam keadaan BPR masih mengumpul bukti) dan baru-baru ini kes di Perak yang mana tindakan begitu pantas diambil. Ini membuktikan bahawa Polis, BPR dan Peguam Negara berpilih-pilih dalam mengambil tindakan dan pendakwaan.

Apatah lagi dalam beberapa kes bahan bukti boleh hilang sepertimana yang berlaku di Johor Bahru dimana syabu bernilai RM1 juta dalam simpanan bilik kebal Ibu Pejabat Kontijen Polis Johor hilang!!! Kalau di Jepun mungkin Ketua Polis nya akan melaksanakan Hara-Kiri kerana ini amat memalukan pasukan polis.

Dari pengalaman peribadi saya semasa siasatan Suruhanjaya Siasatan Mata Lebam didapati Ketua Polis Negara bersama Peguam Negara sekarang merekacipta dan memalsukan bukti untuk menutup apa yang sedang berlaku keatas diri saya semasa dalam tahanan polis di Bukit Aman. Ugutan dan tekanan dibuat untuk memaksa beberapa pihak membuat pengakuan palsu terhadap saya.

Jadi bagaimana kita boleh yakin segala laporan Polis dan BPR disiasat dengan adil dan menyeluruh sedangkan Ketua-ketua mereka sendiri terlibat dalam rasuah, pemalsuan bukti dan berkepentingan diri.

Walaupun sedang disiasat diatas penglibatan memalsu keterangan dalam kes saya dan dinasihat oleh YAB Perdana Menteri sendiri supaya tidak terlibat dalam pendakwaan terbaru keatas saya tetapi Peguam Negara terus berdegil dan terlibat secara langsung untuk memindahkan kes saya ke Mahkamah Tinggi. Adakah beliau mempunyai agenda peribadi atau menuruti arahan pihak-pihak tertentu menyebabkan saya sangsi diatas kuasa yang diamanahkan kepada Peguam Negara untuk menentukan samaada sesuatu kes rasuah akan didakwa atau ditutup.

Kuasa Peguam Negara terlalu besar sepertimana yang dinyatakan oleh Peguam veteran Raja Aziz Addruse.

“It is imperative that the Attorney General’s wide powers be subject to close scrutiny and not be permitted to be exercised arbitrarily. If the government is truly serious in wanting to improve and restore public confidence in the administration of justice in this country, it must be prepared to review the presently unfettered powers of the Attorney-General. There is currently no formal mechanism requiring the Attorney-General to account for his conduct in relation to prosecutions of criminal proceedings. In spite of the wide powers he wields, he has no duty to report to the prime minister, cabinet or Parliament. There has

been no call for him to account for the failure of a number of high-profile prosecutions, which commenced with much fanfare but ended up being a waste of funds.”

12. Perlu ada usaha untuk menghadkan kuasa Peguam Negara kerana beliau bertindak sebagai Ketua Penasihat Undang-undang Negara dan juga Ketua Pendakwa Raya. Kedua-dua peranan ini membuka ruang kepada situasi pertelingkahan kepentingan seperti mana yang berlaku dalam kes saya. Walaubagaimanapun saya difahamkan usaha untuk menghadkan kuasa Peguam Negara ditentang oleh beberapa Menteri Kabinet dan Peguam Negara sendiri sepertimana yang diluahkan oleh bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Zaid Ibrahim.

13. Saya mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia ini atau “Malaysian Commission on Anti Corruption Act” bagi menggantikan Akta Pencegah Rasuah 1997.

14. Saya harap rang undang-undang ini diluluskan bukan setakat Dewan Rakyat tetapi juga Dewan Negara. Saya mempunyai pengalaman pahit dalam usaha memerangi rasuah apabila membentang Rang Undang-undang Pencegah Rasuah 1997 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat tetapi sehingga kini masih belum diluluskan oleh Dewan Negara. Saya harap kali ini tidak berlaku lagi.

15. Saya tertarik dengan kenyataan YAB Perdana Menteri yang tersiar di muka depan akhbar The New Straits Time bertarikh 11 Disember 2008.

“The Anti Corruption Agency and the Judiciary have been the targets of negative perception. Many people think the Government is not committed to tackling corruption, while investors are suspicious of the integrity of the judiciary”.

16. Ingin saya nyatakan masalah rasuah dan integriti system kehakiman bukan masalah persepsi. Ia masalah sebenar. “The problem is real”. Ia perlu diperangi habis-habisan. Masalah ini sudah menjadi barah. Ia bermula dari dalam parti memerintah UMNO dan BN yang pemilihan kepimpinannya dibuat dengan cara rasuah dan kemenangan mereka dalam parti dan pilihanraya melalui pembelian undi, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

17. Penyakit ini berjangkit dalam kerajaan kerana di perintah oleh perasuah dan diikuti oleh kakitangan kerajaan termasuk hakim-hakim sepertimana terbukti dalam kes video Lingam. Penguatkuasa undang-undang juga tidak kurang hebatnya dalam kegiatan rasuah sepertimana yang terdedah dalam lampiran yang ada dengan saya termasuk Ketua Polis Negara.

18. Saya harap pembentangan rang undang-undang ini bukan sekadar untuk meredakan persepsi negatif orang ramai atau pelabur tetapi sebagai usaha murni kearah membentaras rasuah habis-habisan dari peringkat tertinggi kerajaan hinggalah ke akar umbi masyarakat.

19. Kita menentang rasuah kerana tidak mahu Wang Negara dibazirkan melalui penyelewengan dalam penganugerahan kontrak, konsesi dan pembelian yang tidak mengikut prosedur dan tatacara yang betul seperti tender tertutup, rundingan secara terus dan sebagainya. (Kalau mengikut kes-kes yang telah dilaporkan puluhan billion wang rakyat telah diselewengkan. Bayangkan sekiranya wang-wang ini digunakan untuk program pembasmian kemiskinan. Kita akan dapat menyelesaikan masalah penyediaan rumah untuk rakyat miskin, polis dan tentera dengan begitu banyak. Kita boleh sediakan biasiswa untuk anak-anak miskin dan cemerlang dengan begitu ramai. Kita dapat menyediakan kemudahan kebajikan kepada warga emas dan kurang upaya agar tidak terpinggir dalam arus pembangunan Negara dan sebagainya. Sebagai contoh dalam kes pembelian kapalselam scorpene dan jet pejuang sukhoi sahaja kerajaan membayar komisyen sebanyak lebih RM900 juta. Bayangkan berapa banyak biasiswa yang boleh disediakan dengan wang ini sekiranya tiada rasuah berlaku dalam pembelian ini.

Kos urus niaga meningkat kerana terpaksa memberi rasuah kepada pihak berkuasa dalam urusan perniagaan mereka. Akibatnya rakyat terpaksa membayar harga yang tinggi untuk mengambil kira kos rasuah yang terpaksa dibayar oleh peniaga. Sebagai contoh rakyat terpaksa membayar.

harga elektrik yang tinggi kerana menanggung kos dalam penyelewengan penganugerahan IPP kepada pihak-pihak tertentu dengan terma-terma kontrak yang meragukan dan amat menguntungkan IPP sedangkan Tenaga Nasional menanggung kerugian dan rakyat terpaksa membayar harga elektrik yang tinggi.

Keselamatan awam dikompromi kerana bangunan dan barangan yang sub-standard dan tidak memenuhi piawai keselamatan diluluskan melalui rasuah. Lihat apa yang terjadi dalam kes tanah runtuh Bukit Mewah. Puluhan projek diluluskan diatas lereng bukit yang berbahaya kerana penguasa dirasuah untuk meluluskan pembangunannya. Begitu juga dengan perumahan-perumahan untuk rakyat miskin, Pasukan Polis dan Angkatan Tentera yang begitu banyak tidak bermutu dan selamat diduduki dibina angkara rasuah oleh pemaju kepada pihak berkuasa.

Keselamatan Negara terdedah kepada risiko kerana pembelian peralatan ketenteraan dan keselamatan dibuat secara mencurigakan. Begitu banyak pembaziran yang berlaku dalam pembelian peralatan ketenteraan dan keselamatan. Sebagai contoh pembelian sky hawk yang tidak boleh dipakai, kereta kebal yang tidak sesuai dengan persekitaran tanah dan hutan Negara, pembinaan kapal peronda di Lumut Dockyard yang sehingga kini belum selesai, helicopter yang meragut ramai nyawa angkatan tentera dan sebagainya. Begitu juga dengan peralatan keselamatan yang mana YB Ipoh Timur telah mendedahkan bagaimana Ketua Polis Negara bertindak sebagai jurujual Syarikat Asiacopter Sdn Bhd. Begitu juga dengan peralatan dan perisian computer untuk Pasukan Polis dimana pembekalnya dikaitkan dengan bekas pegawai tentera Israel dan syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan dengan kerajaan Singapura dan banyak lagi yang akan didedahkan oleh MP-MP lain.

Yang paling utama bagi memastikan negara di tadbir dengan baik mengikut lunas undang-undang. "Good Governance and Rule of Law". Rasuah menyebabkan ramai pemimpin hilang kewarasan. Kerana ingin menutup kesalahan mereka maka undang-undang dan penguatkuasa undang-undang diperkudakan seperti apa yang berlaku dalam Negara

